

Inovasi UMS cemerlang di British Invention Show 2015

UB 28.10.2015 B3

PENCAPAIAN para penyelidik UMS dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di British Invention Show (BIS) 2015 sangat membanggakan. Mereka mencatatkan kejayaan meraih dua Anugerah Khas Platinum, 4 emas, 2 perak dan 1 gangsa. Pertandingan itu diadakan selama empat hari di Barbican Exhibition Center, London, United Kingdom, bermula 21 hingga 24 Oktober lalu.

Anugerah Khas Platinum: International Invention of The Year Award (Klasifikasi Industrial) diraih oleh Prof Madya Dr Patricia Matanjun (Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan) dengan tajuk inovasi beliau iaitu 'A-Tempeh: A Canned Sambal Tempeh with Anchovies', iaitu produk makanan tempeh yang ditinkan dengan



PATRICIA menerangkan kepada penilai tentang produk A-Tempeh.


campuran utama rumput laut segar (*Kappaphycus alvarezii*). Produk itu telah mendapat kerjasama daripada syarikat makanan tempatan iaitu Adabi Consumer Industries Sdn Bhd.

Manakala bagi Anugerah Khas Platinum: International Innovation of The Year Award (Klasifikasi Consumer) pula diraih oleh Prof Madya Dr Chua Tock Hing (Fakulti Perubatan

dan Sains Kesihatan) dan Ir Dr Muralindran Mariappan (Fakulti Kejuruteraan) yang bertajuk 'Smart Z: A Novel System For Trapping Mosquitoes'.

Inovasi itu direkabentuk untuk menarik nyamuk Aedes betina kerana nyamuk betina adalah pembawa wabak denggi. Dengan produk itu, ia akan dapat mengawal populasi nyamuk Aedes betina dan sekaligus mengurangkan penyebaran wabak denggi.

Kedua-dua produk itu turut meraih anugerah emas. Dua lagi anugerah emas turut diraih oleh penyelidik dari Fakulti Pendidikan dan Psikologi iaitu Prof Madya Dr Sabariah Shahrif dengan inovasi bertajuk 'Neuro-Linguistic Programming Techniques: An Approach To Enhance motivation Among High-Risk Students' dan Dr



MURALINDRAN bersama Chua memberikan penjelasan mengenai mekanisma Smart Z.

Mohamad Nizam Nazarudin dengan inovasi 'Developing Training Aids Using Mastery Learning In Supporting IRB Get Into Rugby Programme For Beginners'.

Penyertaan di BIS 2015 itu merupakan penyertaan delegasi UMS buat pertama kali dan diketuai oleh Dr Mohamad Nizam Nazarudin bersama tujuh penyelidik lain. Kejayaan itu diharap akan menjadi pemangkin dan pendorong kepada penyelidik lain meraih pencapaian yang lebih cemerlang di peringkat antarabangsa.